

DATE : 24 October 2012
PUBLICATION : Yahoo! News
SECTION : -
HEADLINE : AHB Bayar Agihan Pendapatan Sebanyak RM31 Juta Kepada Pemegang Unit



YAHOO! NEWS

AHB BAYAR AGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK RM31 JUTA KEPADA PEMEGANG UNIT



Bernama Media – 22 hours ago

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd hari ini mengumumkan agihan pendapatan kedua sebanyak 3.25 sen seunit bagi pemegang saham Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk tahun kewangan 2012, melibatkan jumlah pembayaran kira-kira RM31 juta.

Ini diterjemahkan kepada hasil pendapatan setahun sebanyak 6.5 peratus apabila dibandingkan dengan Pelaburan Am Akaun-i Maybank Islamic Bhd 12 bulan.

Bayaran kedua tahun ini akan terus dikreditkan ke dalam akaun bank pemegang unit pada 25 Okt, 2012.

Ini adalah agihan pendapatan keempat oleh AHB kepada pemegang saham semenjak penubuhannya pada November 2010.

Agihan pendapatan AHB, jika ada, akan dibayar pada atas enam bulan dan bayarananya dikecualikan cukai dan telah ditolak sumbangan zakat.

Pengarah Urusan dan CEO PHB, Datuk Kamalul Arifin Othman juga mengumumkan jumlah saiz dana AHB akan ditingkatkan sebanyak 500 juta unit lagi.

Saiz dana itu kini 1.5 bilion unit, yang bernilai RM1.5 bilion.

Unit tambahan ini boleh dilanggan mulai 24 Oktober.

"Awal tahun ini, kami berkata PHB mengkaji untuk membesarkan saiz dana sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam aset bersandarkan harta tanah komersil utama," kata Kamalul Arifin pada satu sidang media di sini hari ini.

Selain peningkatan saiz dana, beliau berkata kemasukan pelaburan maksimum, yang sebelum ini adalah RM200,000, kini telah dinaikkan kepada RM400,000, membolehkan pelabur melabur lebih banyak dan mendapat lebih keuntungan daripada AHB.

"Kami juga mahu mengumumkan bahawa kami telah bekerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang akan membolehkan pelabur Bumiputera melabur dalam AHB melalui simpanan KWSP di cawangan-cawangan Maybank," katanya.

Semenjak penubuhannya, PHB telah membeli harta tanah komersil utama di beberapa bandar raya di Malaysia dan mempunyai aset harta bernilai RM1.5 bilion.

-- BERNAMA

ANM NN NHZ